

## Ruangan Kelab

19 April 2008

Pertandingan sukan (indoor) telah berlangsung di antara ahli Kelab Kebajikan & Sukan JMNPP dengan ahli jawatankuasa Masjid As-Salam, Kg. Padang Lalang, Simpang Ampat, SPS di perkarangan Bangunan JKKK Kg. Padang Lalang. Antara sukan (indoor) yang telah diadakan ialah permainan congkak, bowling buah kelapa dan karam. Hadiah telah disampaikan oleh Pengerusi Kelab kepada Pengerusi Jawatankuasa Masjid.

26 & 27 Julai 2008

Kelab Kebajikan & Sukan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (KKSJM) telah mengadakan Hari Keluarga bagi menghargai sumbangan di samping untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan ahli-ahli kelab dan keluarga masing-masing. Program tersebut diadakan selama 2 hari 1 malam bertempat di Teluk Batik Resort. Antara aturcara yang dijalankan sepanjang program tersebut ialah sukaneka, penyampaian hadiah dan cabutan bertuah untuk ahli-ahli.




<http://mufti.penang.gov.my>

Petunjuk  
الحمد لله

Al-Huda  
Buletin JMNPP

1/2008

Naskah Percu



*Menarik di dalam...*

- Perutusan Mufti
- Artikel-artikel Pilihan
- Ruangan Tokoh

## Penaung

Sahibul Samahah Dato' Haji Hassan bin Haji Ahmad

## Penasihat

Sahibul Fadhilah Tn. Haji Suleh Wan Kurdi Bin Haji Jalaludin

## Ketua Pengarang

Tn. Haji Yusuff bin Ahmad

## Penyelaras

Ust. Hardi bin Mohamad Sadali

## Sidang Pengarang

Ust. Rizuan bin Idrus

Ust. Shukri bin Hashim

Ust. Anuar bin Ariffin

Us. Aminuddin Bin Mohd Hapeze

Pn. Zaiton binti Mustapa

## Editor

Ust. Mohd Jais Anuar bin Ahmad

Usth. Azwati binti Zainol Abidin

## Terbitan

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Tingkat 48, KOMTAR

10000 Pulau Pinang

Tel: 04-2632975 / 2630634

http://mufti.penang.gov.my

## Dicetak oleh

People Impression Sdn. Bhd.

## Serangkap Kata Rembuka Bicara



Setinggi kesyukuran dizahirkan kehadiran Allah atas keizinan dan pertunjuk yang diberikan ini, dapatlah Jabatan ini meneruskan tradisi ilmu dengan menerbitkan bulletin al-huda untuk kali yang seterusnya. Bagi keluaran kali ini, sidang redaksi akan terus berusaha memberi paparan yang berguna untuk tatapan pembaca yang budiman sekalian.

Ketinggian dan pengiktirafan agama Islam sebagai agama yang diredhoi oleh Allah s.w.t tidak perlu diragukan lagi. Tambahan pula ianya telah pun termaktub dalam perlembagaan Negara, yang menyatakan bahawa agama Islam merupakan agama rasmi bagi Negara ini. Namun begitu, menurut perlembagaan berkenaan, agama-agama lain bebas diamalkan dimana-mana kawasan perseketuan.

Situasi perlu sering diperjelaskan dan diingatkan, agar gangguan dan cubaan segelintir pihak tertentu yang mempertikaikan 'pengiktirafan' ini dapat diatasi dengan bijaksana dan baik sejajar dengan konsep masyarakat majmuk di Malaysia.

Rasulullah s.a.w pernah bersabda: "Islam adalah agama yang tinggi, dan tidak ada agama yang lebih tinggi dari agama Islam". Hadis ini jelas menggambarkan kesucian serta ketinggian agama Islam berbanding agama Islam dunia ini.

Oleh yang demikian, sudah menjadi tanggungjawab setiap muslim, untuk terus memelihara kesucian agama Islam ini dari segala ancaman yang mendatang. Mudah-mudahan peranan ini dapat dipikul oleh kita semua dengan penuh keikhlasan, demi untuk melihat agama Allah s.w.t ini terus kekal ke hari akhirat kelak.

Akhir kata, semoga usaha yang kecil ini dinilai oleh Allah s.w.t dan mendapat keberkatan oleh-Nya didunia mahupun I akhirat. amin

## Ketua Pengarang

## Isi Kandungan

2	Sidang Redaksi Ketua Pengarang Isi Kandungan	3
	Perutusan S.S Dato' Mufti	
4-9	Berita Bergambar	
	Aktiviti Bergambar: Album	10-11
12	Warta Pilihan	
	Wacana	13-14
17-19	Artikel Pilihan	
	Ruangan Kelab	20

# Khurafat



Umum mengetahui, Istilah khurafat adalah salah satu perkara sudah difahami oleh setiap lapisan masyarakat. Ini kerana ianya telah muncul semenjak zaman Nabi s.a.w. Sebelum tirai ini dibuka dengan lebih luas marilah kita menyelusuri terlebih dahulu tentang maksud tajuk yang akan dibincangkan menurut kacamata etimologi (segi bahasa) dan kemudiannya dengan definisi menurut terminologi (istilah).

Menurut Kamus Dewan, perkataan khurafat diertikan dengan: Kepercayaan yang karut, dongeng, tahyul. Khurafat menurut definisi yang dipakai oleh JAKIM ialah: Cerita-cerita yang mempesonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta, khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan pemujaan atau kepercayaan yang amat bertentangan dengan ajaran Islam. Semua perkara yang berkaitan perlu dijauhi oleh semua orang Islam, kerana ia merupakan dosa.

Khurafat dapat diertikan juga dengan Ajaran Sesat seperti yang tersebut di dalam Kamus Dewan ialah: Ajaran yang terpesong daripada akidah atau syariat agama Islam. Menurut penulis, khurafat adalah perkara yang merujuk kepada persoalan amalan-amalan dan tingkah laku yang bercanggah dengan ajaran Islam dan adat kebiasaan manusia yang sejahtera akal pemikirannya yang dapat dikategorikan sebagai ajaran sesat.

Yang dimaksudkan dengan hadith khurafat iaitu hadith yang merujuk kepada asal usul perkataan khurafat dan kaitan alam jin (kebatinan) dengan manusia, seperti yang disabdakan oleh Baginda saw. Maksudnya: Pada suatu malam Rasulullah saw bersembang-sembang dengan para isterinya tentang suatu perkara, lalu salah seorang dikalangan mereka berkata: perkara ini seperti cerita khurafat. Baginda seraya bersabda: Adakah kalian tahu apa itu khurafat? Sesungguhnya khurafat itu ialah seorang lelaki dari bani 'Uzhrah (kabilah Yaman) yang telah disembunyikan oleh jin pada zaman jahiliyyah, lalu dia tinggal bersama golongan jin beberapa ketika kemudian golongan jin itu menghantarnya pulang kembali ke alam manusia lalu dia menceritakan kepada manusia tentang apa yang telah dilihatnya pada mereka (golongan jin) daripada perkara ajaib. Maka sebab itulah manusia berkata (tentang perkara-perkara pelik sebagai) cerita khurafat.

Maksudnya: Pada suatu malam Rasulullah saw bersembang-sembang dengan 'Aisyah tentang suatu perkara, sedangkan Baginda ketika itu bersamanya didalam satu selimut lalu 'Aisyah berkata: Demi engkau sebagai ibu dan bapakku Wahai Rasulullah, jika engkau tidak ceritakan padaku cerita ini nescaya aku masih menganggap cerita itu adalah cerita khurafat. Rasulullah saw seraya bersabda: Adakah kamu tahu apa itu cerita khurafat wahai 'Aisyah? 'Aisyah lantas menjawab: Sesuatu yang (pelik dan) tidak berlaku, dikatakan cerita khurafat. Baginda saw bersabda: Sesungguhnya sebenar-benar cerita khurafat iaitu seorang lelaki dari bani 'Uzhrah (kabilah Yaman) yang telah disembunyikan oleh jin lalu dia tinggal bersama golongan jin, kemudian golongan jin itu menghantarnya pulang kembali ke alam manusia lalu dia menceritakan kepada manusia tentang apa yang telah dilihatnya pada mereka (golongan jin), Maka sebab itulah manusia berkata (tentang perkara-perkara pelik sebagai) cerita khurafat.

Menurut Kamus Dewan, perkataan khurafat diertikan dengan: Kepercayaan yang karut, dongeng, tahyul. Khurafat menurut definisi yang dipakai oleh JAKIM ialah: Cerita-cerita yang mempesonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta, khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan pemujaan atau kepercayaan yang amat bertentangan dengan ajaran Islam. Semua

perkara yang berkaitan perlu dijauhi oleh semua orang Islam, kerana ia merupakan dosa. Berdasarkan beberapa riwayat diatas ini, jelas menunjukkan bahawa perkataan khurafat digunakan oleh Baginda saw dan para sahabat yang merujuk kepada perkara-perkara pelik dan sesuatu cerita yang menyalahi adat kehidupan atau tidak dapat diterima oleh akal manusia seperti mempercayai bahawa sesuatu objek ditakuti oleh golongan jin dan hantu atau objek tertentu boleh mendatangkan keuntungan dan sebagainya.

Berlainan pula sesuatu yang pelik dan tidak logik oleh akal manusia tetapi jelas dihabarkan didalam Al-Quran dan As-Sunnah maka ia wajib diterima dan di imani yang dinamakan dengan Al-Sam'iyyat seperti persoalan azab kubur, hari kebangkitan, mizan, syurga, neraka dan sebagainya.

Juga terdapat beberapa perkara pelik yang menyalahi adat yang berlaku kepada para Anmbiya' yang dinamakan sebagai Mukjizat dan Irhash, yang berlaku kepada para Auliya' dinamakan sebagai Karamah, yang berlaku kepada golongan awam yang soleh dinamakan sebagai Ma'unah, yang berlaku kepada orang fasik dinamakan sebagai Istidraj, yang berlaku kepada seorang yang mendakwa sebagai seorang rasul lhanah dan yang berlaku kepada orang kafir dinamakan sebagai Sihir.

Sebelum tirai ini dibuka dengan lebih luas marilah kita menyelusuri terlebih dahulu tentang maksud tajuk yang akan dibincangkan menurut kacamata etimologi (segi bahasa) dan kemudiannya dengan definisi menurut terminologi (istilah).

Menurut Kamus Dewan, perkataan khurafat diertikan dengan: Kepercayaan yang karut, dongeng, tahyul. Khurafat menurut definisi yang dipakai oleh JAKIM ialah: Cerita-cerita yang mempesonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta, khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan pemujaan atau kepercayaan yang amat bertentangan dengan ajaran Islam. Semua

perkara yang berkaitan perlu dijauhi oleh semua orang Islam, kerana ia merupakan dosa.

Khurafat dapat diertikan juga dengan Ajaran Sesat seperti yang tersebut di dalam Kamus Dewan ialah: Ajaran yang terpesong daripada akidah atau syariat agama Islam.

Menurut penulis, khurafat adalah perkara yang merujuk kepada persoalan amalan-amalan dan tingkah laku yang bercanggah dengan ajaran Islam dan adat kebiasaan manusia yang sejahtera akal pemikirannya yang dapat dikategorikan sebagai ajaran sesat.

Yang dimaksudkan dengan hadith khurafat iaitu hadith yang merujuk kepada asal usul perkataan khurafat dan kaitan alam jin (kebatinan) dengan manusia, seperti yang disabdakan oleh Baginda saw. Maksudnya: Pada suatu malam Rasulullah saw bersembang-sembang dengan para isterinya tentang suatu perkara, lalu salah seorang dikalangan mereka berkata: perkara ini seperti cerita khurafat. Baginda seraya bersabda: Adakah kalian tahu apa itu khurafat? Sesungguhnya khurafat itu ialah seorang lelaki dari bani 'Uzhrah (kabilah Yaman) yang telah disembunyikan oleh jin pada zaman jahiliyyah, lalu dia tinggal bersama golongan jin beberapa ketika kemudian golongan jin itu menghantarnya pulang kembali ke alam manusia lalu dia menceritakan kepada manusia tentang apa yang telah dilihatnya pada mereka (golongan jin) daripada perkara ajaib. Maka sebab itulah manusia berkata (tentang perkara-perkara pelik sebagai) cerita khurafat (7).

Maksudnya: Pada suatu malam Rasulullah saw bersembang-sembang dengan 'Aisyah tentang suatu perkara, sedangkan Baginda ketika itu bersamanya didalam satu selimut lalu 'Aisyah berkata: Demi engkau sebagai ibu dan bapakku Wahai Rasulullah, jika engkau tidak ceritakan padaku cerita ini nescaya aku masih menganggap cerita itu adalah cerita khurafat. Rasulullah saw seraya bersabda:

Berlainan pula sesuatu yang pelik dan tidak logik oleh akal manusia tetapi jelas dihabarkan didalam Al-Quran dan As-Sunnah maka ia wajib diterima dan di imani yang dinamakan dengan Al-Sam'iyyat seperti persoalan azab kubur, hari kebangkitan, mizan, syurga, neraka dan sebagainya.

Juga terdapat beberapa perkara pelik yang menyalahi adat yang berlaku kepada para Anmbiya' yang dinamakan sebagai Mukjizat dan Irhash, yang berlaku kepada para Auliya' dinamakan sebagai Karamah, yang berlaku kepada golongan awam yang soleh dinamakan sebagai Ma'unah, yang berlaku kepada orang fasik dinamakan sebagai Istidraj, yang berlaku kepada seorang yang mendakwa sebagai seorang rasul lhanah dan yang berlaku kepada orang kafir dinamakan sebagai Sihir.

## “AL-SUFI (903-986M)”

Al-Sufi merupakan ahli astronomi Parsi (Iran). Beliau dikenali sebagai Abd ar-Rahman as-Sufi atau Abd al-Rahman Abu al-Hussain atau lebih dikenali sebagai Azophi di Barat. Beliau yang merupakan salah seorang ahli sains Islam dilahirkan pada 7 Disember 903 dan meninggal dunia pada 25 Mei 986. Al-Sufi tinggal di kawasan Emir adud ad-Daula di Isfahan.



### Sumbangan al-Sufi

Beliau melakukan tugas menterjemah dan mengembangkan kerja-kerja astronomi Greek, terutama almagest of Ptolemy. Al-Sufi melakukan beberapa sumbangan dalam astronomi pada zaman pertengahan dengan membetulkan senarai bintang Ptolemy dan melakukan anggara magnitud serta kejelasan yang menyimpang daripada kerja-kerja Ptolemy. Beliau mengenal pasti Awan Besar Megallanic yang kelihatan di Yaman dan bukan di Isfahan yang tidak dapat dilihat oleh bangsa Eropah sehingga penggambaran Megellan pada abad ke 16.




Beliau merupakan penterjemah utama ke Bahasa Arab mengenai Astronomi Hellenistic yang berpusat di Iskandariah. Beliau memerhati dan dapat mengira tempoh panjang tahun tropika dan menerangkan mengenai bintang, posisi, magnitud dan warna serta menghasilkan keputusan mengenai buruj demi buruj. Beliau menghasilkan dua lukisan bagi setiap buruj, satu dari luar cakrawala dan satu lagi dari sebelah dalam yang dilihat dari Bumi. Beliau telah mengenalpasti galaksi Andromeda M31. Beliau juga berjaya menyenaraikan dan menerangkan dengan terperinci kegunaan astrolab.

### Karya-karya al-Sufi

Diantara hasil tulisan beliau yang amat terkenal ialah Kitab Al-Kawakib As- Sabit Al-Musawwar yang menerangkan tentang kedudukan buruj bintang. Al-Sufi mengeksplorasi bukan hanya kedudukan bintang tetapi juga kedudukan buruj bagi bintang itu sendiri, menggambarkannya, serta menghurai pantulan sinar dan warnanya.

Al-Sufi menulis dalam bahasa Arab walau dia sendiri berbahasa Parsi. Beliau menghitung tahun matahari dengan tepat. Al-Sufi juga adalah saintis pertama yang menerangkan tentang kewujudan nebula dan galaksi di angkasaraya.

Al-Sufi juga menulis mengenai astrolab dan mencari beberapa kegunaan mengenainya. Beliau menerbitkan bukunya 'Book of Fixed Stars' pada 964, yang memaparkan mengenai kerjayanya dalam bentuk teks dan gambar. (sumber: estidot.my)



**Rasulullah S.A.W. pernah bersabda: "Sampaikanlah daripada aku walaupun satu ayat"**

**Alhamdulillah** segala puji-pujian bagi Allah s.w.t, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. yang membawa petunjuk dan rahmat sekalian alam.

Sebagai pembuka bicara, saya ingin merafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah s.w.t. kerana memberi peluang serta kesempatan kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang untuk menerbitkan Buletin Al-Huda bagi tahun 1429H bersamaan tahun 2008M.

Mudah-mudahan, keluaran kali ini diharap dapat memberi maklumat serta info terkini mengenai hal ehwal agama Islam, disamping ianya menjadi salah satu gerbang informasi yang berguna untuk menambahkan tahap pengetahuan di kalangan ummah di negeri Pulau Pinang khasnya dan Malaysia amnya.

Dunia sedang menempuh era globalisasi yang serba canggih, umum menyedari bahawa, masyarakat masa kini lebih cenderung memberi penumpuan dan mula mengikuti setiap detik perkembangan teknologi maklumat yang sudahpun menjangkau dunia tanpa sempadan. Oleh yang demikian, seiring dengan situasi tersebut masyarakat secara tidak langsung mula beralih arah kepada pencarian bahan-bahan bacaan dan pecambahan ilmu menerusi kaedah terkini yang berasaskan teknologi maklumat. Namun begitu, bahan-bahan

bacaan yang diterbitkan secara tradisi ini, masih relevan dan sesuai digunakan di dalam dunia yang penuh kecanggihan teknologi masakini. Ini kerana, penggunaan teknologi ini masih terhad terutamanya bagi golongan yang masih belum mampu memiliki peralatan-peralatan dan kemudahan sewajarnya bagi menerokai perkembangan teknologi terkini.

Islam tidak pernah menentang perkembangan teknologi yang sedang dikecapi ini. Namun, apa yang perlu dititikberatkan di sini, adalah cara dan kesungguhan untuk terus mengembangkan ilmu dan agama Allah s.w.t. di muka bumi ini. Oleh yang demikian penglibatan semua pihak serta kepelbagaian kaedah penyebaran dan penyampaian sama ada secara moden mahupun tradisonal perlu diperhebatkan lagi bagi menandingi dan menyekat kebanjiran maklumat, info dan penyebaran unsur-unsur yang meragukan menerusi teknologi masakini.

Rasulullah s.a.w pernah bersabda: "Sampaikanlah daripada aku walaupun satu ayat". Seruan ini menggambarkan bahawa peranan menyambung tradisi ilmu merupakan amanah yang perlu dipikul oleh setiap orang Islam. Sehubungan itu, budaya ini boleh dipelbagaikan kaedahnya, agar ianya mampu menjadi pemangkin kepada perkembangan ilmu masa kini.

Justeru itu, adalah menjadi harapan saya, semoga buletin ini dapat mendorong masyarakat ke arah mencintai khazanah ilmu di samping menjadikan perangsang ke arah membudayakan ilmu di kalangan umat Islam. Akhir kata, semoga usaha yang murni ini mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t. di dunia dan di akhirat.



Kelolaan: Us. Mohd Jais Anuar bin Ahmad

## FEBRUARI

### MINGGU PENGHAYATAN ISLAM

**Minden, Pulau Pinang** - Program ini adalah hasil kerjasama Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Sains Malaysia dan beberapa agensi-agensi yang lain. Sempena program ini, Jabatan ini telah bekerjasama untuk menganjurkan konvensyen penghayatan Islam, tara tokoh akademik yang menjayakan sesi pembentangan kertas kerja di dalam program pada kali ini ialah seperti Dr. Daniel Zainal Abidi dan Dr. Jamnul Azhar Bin Mulkan. Manakala sesi perbincangan di sebelah petang membariskan ahli panel seperti Ustaz. Elias Zakaria, Dr. Jamnul Azhar Bin Mulkan dan Ustaz Jailani (Peguam Syari'e)

### KURSUS PENGURUSAN JENAZAH

**Masjid Simpang Ampat, SPS** - Kursus yang diadakan pada 23 Februari ini adalah siri yang pertama bagi tahun ini, yang telah dianjurkan bersama dengan Pejabat Kemas Batu Kawan dan Jawatankuasa Qariah Masjid Simpang Ampat, SPS yang dihadiri oleh 50 orang peserta lelaki.



**Bertam** - Jabatan ini dengan kerjasama jawatankuasa Surau as-Salikin telah menjayakan kursus pengurusan jenazah siri II pada 29 Mac 2008. kursus ini disertai seramai 60 orang peserta.

**Penaga** - Seramai 100 orang telah menyertai

Kursus pengurusan Jenazah siri III. Program ini berlangsung di surau taman Kuala Bekah, Penaga pada 27 April 2008.

### Bukit Mertajam

- Kursus ini telah diadakan pada 4 Mei 2008 hasil kerjasama Jawatankuasa Qariah Masjid Kubang Semang. Program ini melibatkan 50 orang peserta lelaki dan perempuan.



### Seberang Jaya - 10

Mei 2008 telah berlangsung Kursus Pengurusan Jenazah siri V yang dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Pekerja-pekerja Islam TNB, Seberang Jaya. Seramai 120 orang peserta telah mengambil bahagian dalam menjayakan program ini yang merangkumi sesi ceramah dan praktikal.

**Permatang Kerai, SPU** - siri VI telah berlangsung dengan jayanya pada 29 Jun, hasil kerjasama Surau Permatang Kerai, SPU yang melibatkan seramai 82 orang.

### LAWATAN MITRA SEJATI PEREMPUAN INDONESIA (MISPI) DAN MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA (MPU) PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM KE PEJABAT MUFTI

26 Februari - Lawatan Kerja oleh Mitra Sejati Perempuan Indonesia (MiSP) dan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam ke Jabatan ini. Lawatan bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim antara kedua-dua agensi di samping sebagai satu medan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai Islam.



### KURSUS FALAK SYAR'IE: AMALI ARAH KIBLAT

Bahagian Falak, Jabatan Mufti Pulau Pinang telah menganjurkan kursus falak syar'ie siri 1

pada 17 Februari 2008 bertempat di Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh, Balik Pulau. Kursus siri 1 ini yang memberi tumpuan kepada amali penentuan arah kiblat telah dikendalikan oleh Ustaz Hardi Bin Mohamad Sadali, Ustaz Anuar Bin Ariffin dan Ustaz Abdul Jalil Bin Yahaya. Para peserta telah didedahkan dengan kaedah hitungan arah kiblat, penentuan arah kiblat menggunakan kaedah pelan lantai, penggunaan maklumat kedudukan matahari harian dan bayang matahari searah kiblat.

### PROGRAM PAMERAN, BENGKEL DAN CERAPAN- SEKOLAH RENDAH BUKIT TAMBUN

Bahagian Falak, Jabatan Mufti Pulau Pinang bersama-sama Unit Penyelidikan Ilmu Falak dan Sains Atmosfera, Universiti Sains Malaysia telah menjayakan satu program pameran, bengkel dan cerapan atas jemputan Sekolah Rendah Bukit Tambun, Pulau Pinang. Sempena program tersebut, satu syarahan berkaitan Sistem Suria telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Chong Hon Yew, pameran berkaitan system suria, cerapan matahari dan bengkel serta pertandingan 'Water Rocket'. Program bermula dari jam 8:30 pagi dan berakhir pada jam 4:00 petang.

Oleh: Tn. Haji Suleh Wan Kurdi Bin Haji Jalaluddin

## BULAN MUHARAM

Bulan Muharam adalah satu bulan di awal tahun, bagi tahun Islam. Pusingan taqvim hijri adalah mengikut peredaran bulan. Oleh itu, perkiraannya pada setiap bulan ialah 29 hari atau 30 hari. Tiada perkiraan 28 atau 31 hari dalam bulanan sepanjang tahun.

Bulan ini juga dikenali sebagai bulan Hijrah (Ma'al Hijrah). Hal ini, mengambil peringatan dalam sejarah Rasulullah S.A.W. berhijrah dari Makkah ke Madinah.

Rasulullah S.A.W. pada satu ribu empat ratus tiga puluh tahun (1430) yang lalu telah mengajar umatnya supaya merubah keadaan dari keadaan yang sedia ada kepada yang lebih maju.

Pengajaran yang telah di tunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. kepada umatnya menerusi peristiwa hijrah itu amat banyak. Ianya meliputi bagaimana membuat perancangan, bagaimana cara melaksanakan sesuatu pengurusan dan bagaimana peranan iman, amal dan taqwa di realisasikan.

Setiap yang baharu pasti akan mengalami perubahan. Sama ada kita sedar atau tidak. Namun perubahan tetap akan berlaku. Dalam sejarah kemajuan umat Islam, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. kepada umatnya, ialah melalui peristiwa hijrah.

Hijrah ialah perkataan dari bahasa arab. Bahasa melayu bererti; Pindah. Dalam ertikata lain, maksud hijrah di sini, ialah berlaku Perpindahan Rasulullah S.A.W. khususnya dari Makkah ke Madinah.

Walau bagaimanapun, mengikut catatan sejarah, bahawa peristiwa Hijrah itu berlaku beberapa kali. Pertamanya pada tahun 615M. Seramai 15 orang arab berhijrah dari Makkah ke Habsyah. Pada tahun 617M seramai 101 orang berhijrah dari Makkah ke Habsyah dan pada tahun 622M. Penghijrahan secara beramai-ramai dari Makkah ke Yasthrib.( Madinah)

Rasulullah S.A.W. mengajar umatnya supaya setiap pekerjaan yang hendak dilakukan mempunyai perancangannya yang rapi.

Rasulullah S.A.W. memberi panduan kepada umatnya bagaimana cara untuk menghadapi cabaran sebagai contoh peristiwa sewaktu Rumah Nabi Muhammad S.A.W. dikepong oleh kaum musyrikin quraaisy.

Rasulullah S.A.W. memberi pengajaran kepada umatnya bagaimana untuk menghadapi cabaran ketika berada di dalam keadaan cemas, sebagai contoh peristiwa ketika berhenti di Gua Sur selama 3 hari.

Rasulullah S.A.W. mengingatkan umatnya supaya gigih berusaha, jika hendak mencapai kemajuan. Hal ini, dibuktikan dengan sejarah bahawa Rasulullah S.A.W. meneruskan penghijrahannya hingga sampai ke Madinah.

Rasulullah S.A.W. telah memberikan panduan yang amat berguna kepada umatnya bahawa setelah bersusah payah barulah kejayaan dapat dikecapi. Hal ini ditegaskan sebagaimana maksud dalam surah al-Syarh yang bermaksud "Sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan" diulang sebanyak dua kali dalam surah tersebut.

### HIJRAH DAN PEMBANGUNAN INSAN

1. Umat Islam boleh mengembalikan ke martabat yang sewajarnya, sebagaimana yang dinyatakan dan diberi panduan seperti berikut:

Di dalam al Qur'an surah Ali 'Imran ayat 139 bermaksud:

"Dan janganlah kamu bersikap lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam) dan janganlah kamu berduka-cita (terhadap apa yang akan menimpa kamu) padahal kamulah orang yang tertinggi (kedudukannya di sisi Allah), jika kamu orang yang (benar-benar) beriman".

2. Manakala Hadis Rasulullah S.A.W. pula menegaskan bahawa "Umat Islam Itu lebih unggul"
3. Allah S.W.T. Telah menegaskan bahawa perkara 1 dan 2 boleh direalisasikan dengan panduan seperti berikut :

- i. Surah Al-Ra'd ayat 11 yang bermaksud: "...sesungguhnya Allah S.W.T. tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum, sehingga mereka mengubah apa yang ada pada mereka..."

- ii. Rasulullah S.A.W. bersabda, maksudnya "...Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang itu membuat sesuatu pekerjaan, ia melakukannya dengan tekun (memperbaiki dan mempertingkatkan...) (Al-Bahaihaki)



Pelajaran yang diajar adalah pelajaran yang menjadi asas kepada setiap pelajar yang ingin mendalami ilmu agama seperti Tauhid, Fiqh, Tasauf, Nahu, Sorof dan lain-lain lagi. Tuan Imam berjaya mewujudkan sebuah pusat Pendidikan Islam yang berupaya mengeluarkan mereka-mereka yang cemerlang dalam bidang agama walaupun keadaan yang tidak begitu memuaskan kepada pelajar. Mereka-mereka yang cemerlang dalam bidang agama antaranya ialah Tuan Syeikh Idris Marbawi yang menuntut lebih kurang tujuh tahun, Tuan Syeikh Salleh Masri iaitu pengasas Madrasah Al-Masriah, Tuan Hj Yusuf iaitu Mufti Pertama Selangor dan Tuan Guru Haji Jaafar al-Hafiz adalah antara tokoh ilmuan yang berjaya hasil didikan Tuan Imam Ahmad. Setelah hampir empat puluh tahun



**Madrasah Ahmadiyah telah berjaya melahirkan ramai ahli-ahli agama dalam pelbagai bidang ilmu-ilmu Islam. Sehubungan itu ia menjadikan Madrasah Ahmadiyah mula disegani oleh masyarakat setempat**

menabur bakti, beliau pulang ke rahmatullah pada tahun 1936 setelah sekian lama menabur jasa terhadap ilmu agama.

Pengetua pertama Madrasah ini ialah Tuan Guru Hj Ahmad Bin Abdul Rahman pada tahun 1896 hingga 1936 disusuli Tuan Guru Hj Saad Bin Abdul Kadir pada tahun 1936 hingga 1968. Pengetua seterusnya ialah Tuan Guru Hj Jaafar Bin Lebai Arshad Al Hafiz pada tahun 1968 hingga 1986. Selepas itu pengetua madrasah ini ialah Tuan Guru Hj Ahmad

Bin Hj Salleh pada tahun 1986 hingga 1990 dan Tuan Guru Hj Abdul Hamid Bin Hj Taib pada tahun 1990 hingga 1993. Pengetua madrasah ini dari tahun 1993 hingga sekarang ialah Tuan Guru Hj Hamzah Bin Hj Jaafar.



## MAC

### SEMINAR ANTARABANGSA ANDALUSIA 1300 TAHUN

Seminar Antarabangsa Andalusia 1300 tahun telah diadakan pada 5 & 6 Mac 2008 di Universiti Sains Malaysia. Seminar ini dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), dan UNiKL. Pembentang yang mengambil

bahagiandalam pembentangan kertas kerja merupakan individu yang berkebolehan dan pakar di dalam bidang masing-masing. Sebanyak 60 tajuk kertas kerja telah dibentangkan dan disampaikan dengan begitu berkesan. Seminar ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia. Manakala perasmian penutup pada 6 Mac, telah disempurnakan oleh S.S Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



### CERAPAN HILAL RABI'UL AWAL

Bahagian Falak, Jabatan Mufti Pulau Pinang telah membuat cerapan hilal Rabi'ul Awal

bersama-sama Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Universiti Malaya pada 8 Mac 2008 bertempat di Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

### KEM BINA INSAN: REMAJA CEMERLANG NEGARA GEMILANG

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kelab Remaja Lestari Pulau Pinang (KRL) dan Persatuan Pelajar Islam Pulau Pinang (PISA) telah menganjurkan Program Kem Bina Insan : Remaja Cemerlang Negara Gemilang di Kem Markas Stesen Batu Feringghi Pulau Pinang pada 21 - 23 Mac 2008. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari

kalangan pelajar. Diakhir program majoriti peserta menyatakan hasrat kepada pihak penganjur agar menganjurkan lagi program seumpama ini. Perasmian penutupan program di rasmikan oleh Sahibul Fadhilah Haji Suleh Wan Kurdi Haji Jalaluddin, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



### PROGRAM SEHARI BERSAMA JABATAN MUFTI

**28 Mac** - Program selama sehari ini telah berjaya dianjurkan dengan jayanya di masjid at-Taqwa, Taman Bertam Indah. Program ini adalah sebagai platform untuk Jabatan

ini bertemu dengan masyarakat disamping dapat menyampaikan maklumat terkini kepada masyarakat terutama yang berkaitan dengan agama Islam. Antara pengisian di sepanjang program ini berlangsung adalah seperti kaunter pameran, Bicara Remaja oleh Tn.

Sheikh Yusuf Bin Ahmad dan Bicaralsu semasa bersama S.S Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad.

**20 Jun** - Program Sehari di Masjid Terapung Tanjung Bungah, telang berlangsung selama sehari bermula jam 10:00 pg sehingga 10:00 mlm. Antara pengisiannya adalah seperti bicara remaja, bicara semasa dan cerapan astronomi.

**27 Jun** - Masjid Pulau Aman merupakan lokasi ketiga bagi penganjuran Program sehari bersama Jabatan Mufti. Antara aktiviti yang berlangsung sepanjang

program ini seperti bicara semasa bersama S.S Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad dan Tn. Haji Rosli Bin Othman, pameran dan tazkirah.



### PROGRAM "SEMALAMAN DI PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR"

Jabatan Mufti Pulau Pinang telah menganjurkan satu program "Semalaman di Pusat Falak" pada 29 Mac hingga 30 Mac 2008. Program ini telah diserikan dengan kehadiran rombongan sekolah Daeratul Ma'arif Al-Wathoniah, Kepala Batas seramai lebih kurang 86 orang dengan disertai guru pengiring seramai 6 orang. Program pada kali ini dimulakan dengan sesi taklimat berkenaan Pusat Falak dan taklimat Peta Bintang oleh Encik Jamil Bin Zakaria daripada Unit Penyelidikan Ilmu Falak USM



## PROGRAM JOM TENGOK BINTANG

**Pusat Falak Sheikh Tahir** - Satu lagi program 'Jom Tengok Bintang' telah diadakan dengan meriahnya anjuran bersama Bahagian Falak, Jabatan Mufti Pulau Pinang, Unit Falak, USM bertempat di Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh, Pulau Pinang. Program ini telah dimeriahkan dengan kehadiran penduduk setempat dan lawatan daripada Taklimat Peta Bintang oleh Dr. Chong Hon Yew. Manakala cerapan langit bermula tepat jam 9:30 malam sehingga jam 12 malam. Antara objek yang kelihatan ialah bulan penuh dan planet Zuhal.

**Surau Taman Pokok Sena** Satu program 'Jom Tengok Bintang' telah berjalan dengan meriahnya anjuran bersama Bahagian Falak, Jabatan Mufti Pulau Pinang, Unit Falak, USM dan AJK Surau Taman Pokok Sena. Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran pelajar Kolej Matrikulasi Pulau Pinang dan penduduk Taman Pokok Sena. Program bermula dengan satu kuliah Maghrib oleh Dr. Abdul Halim Bin Abdul Aziz. Manakala cerapan langit bermula selepas sahaja Solat Isyak berjemaah.

**Masjid Hashim Yahya** - Satu lagi program ini telah diadakan dengan meriahnya anjuran bersama Bahagian Falak, Jabatan Mufti Pulau Pinang, Unit Falak, USM dengan kerjasama AJK Masjid Hashim Yahya, Jalan Perak. Program ini telah dimeriahkan dengan kehadiran hampir 1000 orang penduduk taman-taman yang berdekatan. Seperti biasa program bermula dengan satu kuliah Maghrib oleh Dr. Abdul Halim Bin Abdul Aziz berkaitan "Keajaiban Alam Semesta Ciptaan Allah". Manakala cerapan langit bermula selepas sahaja Solat Isyak berjemaah sehingga jam 12 malam



Program ini telah dimeriahkan dengan kehadiran hampir 1000 orang penduduk taman-taman yang berdekatan. Seperti biasa program bermula dengan satu kuliah Maghrib oleh Dr. Abdul Halim Bin Abdul Aziz berkaitan "Keajaiban Alam Semesta Ciptaan Allah". Manakala cerapan langit bermula selepas sahaja Solat Isyak berjemaah sehingga jam 12 malam

## PROGRAM PAMERAN, BENGKEL DAN CERAPAN - MRSM PENDANG, KEDAH DARUL AMAN

Bahagian Falak, Jabatan Mufti bersama-sama Unit Penyelidikan Ilmu Falak dan Sains Atmosfera, USM telah menjayakan satu program pameran, bengkel dan cerapan atas jemputan Maktab Rendah Sains MARA, Pendang Kedah Darul Aman. Satu syarahan berkaitan Sistem Suria telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Chong Hon Yew, pameran, cerapan matahari dan bengkel serta pertandingan 'Water Rocket'. Program dua hari ini turut dihadiri pameran Jabatan Mufti Negeri Kedah.

## APRIL

### CERAPAN HILAL RABI'UL AKHIR

Cerapan hilal Rabi'ul Akhir telah dijalankan di Pusat Falak Sheikh Tahir pada 7 April 2008. Cerapan pada kali ini dilaksanakan secara bersama Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia dan rombongan Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan. Proses cerapan bermula pada jam 6:40 petang dengan sesi taklimat disampaikan oleh Ustaz Hardi Bin Mohamad Sadali Keadaan yang berawan menyukarkan kenampakan hilal pada petang tersebut. Hilal berjaya dicerap pada jam 8:24 malam pada kedudukan altitud 1° 33' 53" sehingga hilal terbenam pada jam 8:33 malam

### PROGRAM FALAK BERSAMA MASYARAKAT

#### Masjid Padang Lalang

- Jabatan Mufti Pulau Pinang melalui Bahagian Falak Syar'ie telah menganjurkan program Falak Bersama Masyarakat bertempat di Masjid Padang Lalang, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan pada 18 - 20 April 2008. Pelbagai aktiviti telah dijalankan dan mendapat kerjasama yang sepenuhnya daripada AJK Qaryah Masjid Padang Lalang, Pusat Urus Zakat MAINPP, Bahagian Wakaf MAINPP, Kelab Remaja Lestari dan Universiti Sains Malaysia. Antara aktiviti tersebut adalah Kuliah Maghrib, Kursus Falak, Klinik Solat, Kuiz Falak, Sukaneka dan Pemeran serta cerapan yang menerima sambutan yang menggalakkan daripada sekolah-sekolah berdekatan dan masyarakat setempat.



**Masjid Bayan Baru** - Bahagian Falak buat kali yang keduanya pada tahun ini menganjurkan Falak Bersama Masyarakat bertempat di Masjid Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 4 Julai hingga 6 Julai 2008. Pelbagai aturcara telah dijalankan antaranya cerapan matahari, cerapan planet, bintang dan bulan, kuliah maghrib berkaitan Islam dan Astronomi, Ceramah bertajuk Kupasan Fatwa-Fatwa Semasa, klinik solat untuk remaja, pameran dan pertunjukan planetarium. Terima kasih diucapkan kepada seluruh AJK Qaryah Masjid Bayan Baru bersama penduduk setempat yang memberikan sambutan yang cukup meria dan juga kepada Unit Penyelidikan Ilmu Falak dan Sains Atmosfera, USM yang turut bekerjasama menjayakan program tersebut.



Oleh: Ustaz Mohd Rizuan bin Idrus

## Tuan Guru Hj Ahmad Bin Abdul Rahman (Pengasas Madrasah Al-Ahmadiyah Al-Ijtimaiah, Padang Lalang, Bukit Mertajam)

### Tuan Guru Haji Ahmad Bin Abdul Rahman membangunkan Madrasah ini sehingga menjadi salah sebuah pusat pengajian yang terawal di kawasan Bukit Mertajam.

Di Pondok Padang Lalang terdapat satu sekolah agama yang dinamakan Sekolah Menengah Agama Al-Ahmadiyah Al-Ijtimaiah. Sekolah ini telah ditubuhkan pada tahun 1315 Hijrah bersamaan 1896 Masihi dan telah diasaskan oleh Tuan Guru Hj Ahmad Bin Abdul Rahman. Beliau berasal dari Pattani, Thailand. Pada peringkat awal penubuhannya, Madrasah ini mengamalkan sistem pondok sepenuhnya berbeza dengan sekarang ia telah digabungkan dengan sistem persekolahan moden dengan memberi penekanan terhadap bahasa arab. Semenjak penubuhannya, Madrasah Ahmadiyah telah berjaya melahirkan ramai ahli-ahli agama dalam pelbagai bidang ilmu-ilmu 'Islam. Sehubungan itu ia menjadikan Madrasah Ahmadiyah mula disegani oleh masyarakat setempat hingga jumlah pondok untuk penginapan para pelajar terpaksa ditambah.



Madrasah ini terletak di satu setengah kilometer dari Bandar Bukit Mertajam. Keluasan Madrasah ini hanyalah satu ekar setengah sahaja. Tanah ini telah diwakaf oleh seorang hamba Allah yang identitinya tidak mahu dikenali berasal dari alma yang hanya mengharapkan keredhaan Allah semata-mata. Asal tanah ini adalah kawasan berpaya yang menjadikan kawasan ini sering kali banjir tatkala hujan turun dengan begitu lebat. Walaupun begitu, ia tidak menghalang Mudir yang pertama iaitu Tuan Syeikh Imam Ahmad Bin Abdul Rahman membangunkan Madrasah ini untuk menjadi salah sebuah pusat pengajian yang terawal di kawasan Bukit Mertajam. Madrasah yang didirikan sejak Zaman Tuan Imam masih ada walaupun sudah tidak digunakan lagi. Pada peringkat awal dikatakan hanya tujuh orang sahaja yang datang belajar di Madrasah ini yang terdiri daripada anak tempatan. Berkat dari permulaan itu, bilangan pelajar mula bertambah dari tujuh orang hingga menjadi puluhan orang. Kebanyakkan daripada pelajarnya datang dari Negeri Perak terutama dari Daerah Kerian, Taiping dan sebagainya.



## Cahaya Kejayaan

Rasulullah s.a.w. menunjukkan kepada umatNya, jika ingin menempa kejayaan, setiap individu itu hendaklah memiliki empat sifat berikut : Siddiq (Jujur), Amanah (Bertanggungjawab), Tabligh (Pembimbing) dan Fatonah (Bijaksana). Sifat-sifat tersebut, akan melahirkan keunggulan nilai kemanusiaan. Oleh itu orang akan menilai dan meletakkan kepercayaan sepenuhnya.

## Rasulullah s.a.w. memperingatkan kepada umatNya, supaya menghindari sifat mazmumah seperti dusta, khianat, sombong dan zalim.

Al-Alaq (dengan kalimah suruhan) Bacalah ! Diulang dua kali, iaitu pada awal ayat pertama dan ayat yang ke ketiga.

### 2. Niat Punca Segala Kejayaan

Manakala Rasulullah s.a.w. pula menunjukkan kepada manusia untuk mencapai kejayaan ialah menerusi peristiwa hijrah. Antara peringatan yang sangat utama ialah supaya setiap perkara atau perbuatan yang hendak di lakukan itu di mulakan dengan memperbetulkan niatnya. Perkara ini dijelaskan dalam hadisNya "...Dari Umar Al-Khattab r.a.: Sesungguhnya setiap amalan itu bermula dengan niat, dan bagi seseorang itu apa yang ia niatkan".

### 3. Panduan Yang Jelas Jaminan Kejayaan

Umat Islam, sepatutnya lebih awal menempa kejayaan. Ini kerana Allah s.w.t. telah menjelaskan dalam al-Quran bermaksud : "... Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu, agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. ..."

(Surah al-Maidah : 3)

### 4. Kesungguhan Asas Kejayaan

Setiap usaha itu hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Hal ini telah ditegaskan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran bermaksud : " al-Quran ini menjadi panduan yang membawa matahati manusia, dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa Rahmat bagi kaum yang meyakini. (Surah al-Jathiyah : 20)

### 5. Keikhlasan Dasar Kejayaan

Setiap perkara yang dilakukan hendaklah dengan keikhlasan. Hal ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam HadisNya "Dari Abu Umairah r.a. ....Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak menerima sebarang amalan, melainkan yang dikerjakan untukNya semata-mata dan dengan tujuan untuk mendapat keredhaanNya...." (Abu Daud dan An-Nasaai)



## Api Kemusnahan

Rasulullah s.a.w. memperingatkan kepada umatNya, supaya menghindari sifat mazmumah seperti dusta, khianat, sombong dan zalim. Sifat-sifat tersebut mengakibatkan individu tersebut hilang sifat perikemanusiaan yang akhirnya orang lain hilang kepercayaan terhadap dirinya.

## Langkah-Langkah Menuju Kejayaan

Antara perkara utama yang telah digariskan oleh Islam bagi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat adalah seperti berikut :

### 1. Ilmu Sinar Kejayaan.

Allah s.w.t telah menegaskan dalam Al-Quran bahawa manusia yang ingin mencapai kejayaan hendaklah berilmu. Ini ditegaskan dalam surah

## BENKEL PENGIRAAN SISTEM FARAID

29 April – Bengkel yang berlangsung selama 2 hari ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg S.F Tn. Haji Sulleh Wan Kurdi B. Jalaludin, Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang. Turut serta dalam majlis perasmian tersebut adalah Y.Bhg. YAA Dato' Yusup Bin Che Teh, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. Bengkel ini dihadiri seramai 30 orang peserta dari pelbagai agensi Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Antara penceramah bagi kursus ini ialah, Y.Bhg. Tn. Haji Shahidan Bin Abd. Ghapar (JKSM), Y.Bhg. Dr. Khairul Anwar Bin Othman (USM) dan Prof. Madya Dr. Ahmad Bin Abd. Majid (USM). Sepanjang bengkel ini, peserta telah didedahkan dengan kaedah pengiraan sistem faraid secara tradisional mahupun moden dan teknik penyelesaian sesuatu masalah yang berlaku dalam pembahagian harta pusaka. Disamping itu, peserta turut dimaklumkan dengan maklumat-maklumat mengenai konflik harta pusaka dan lain-lain yang berkaitan dengan sistem pusaka ataupun faraid.



Taklimat Peta Bintang, Falak Amazing Race, Kuiz dan program Rempuh Halangan.

## JULAI

### SEMINAR PERUBATAN ISLAM

10 Julai- Seminar ini telah berlangsung selama sehari, yang membicारा hal ehwal berkaitan dengan perubatan Islam.



Peserta telah didedahkan dengan penyelesaian kaedah rawatan yang mengandungi unsur-unsur khurafat serta yang bertentangan dengan ajaran Islam

yang berlaku pada masa kini. Antara yang membentangkan kertas kerja, ialah Tn Haji Mokhtar Bin Kassin, Tn. Haji Mohd. Hadi Bin Ahmad Talhah. Di akhir seminar, peserta diberi peluang berdiskusi bersama pembentang kertas kerja dan ahli panel jemputan iaitu Dr. Jamnul Azhar Bin Haji Mulkan.

### CERAPAN OPPOSISI JUPITER



Pusat Falak Sheikh Tahir telah dihadiri ramai penggiat astronomi amatur pada 9 Julai 2008 bagi melakukan cerapan fenomena oposisi jupiter. Program yang dianjurkan Bahagian Falak, Jabatan Mufti ini telah bermula

seawal jam 8 malam dengan taklimat berkaitan planet jupiter dan fenomena oposisi jupiter, program "barbeque" dan seterusnya cerapan planet jupiter dengan menggunakan Meade LX 200 10" Goto. Program berakhir apabila hujan turun sekitar jam 12 malam.

## MEI

### SEMINAR PEMANTAPAN INSTITUSI KEKELUARGAAN

22 Mei – Seminar ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dr. Mohamad Abdullah Bin Hemdi, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik (UITM). Sepanjang program tersebut



yang dihadiri seramai 250 orang peserta, 3 kertas kerja telah dibentangkan oleh 3 orang penceramah jemputan yang dijemput, antaranya Y.Bhg. Puan Zaharah Binti Husin, Universiti Malaya ( Indahnya Kehamilan dan manisnya amanah penyusunan ), Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mastura Binti Badzis, UIAM ( Stress: Punca dan kesan dalam

pembentukan Rumahtangga Harmoni ) dan Y.Bhg. Tn. Haji Md. Isa Bin Abdul Rahman, Jabatan Mufti Negeri Kedah (Tanggungjawab Suami Isteri dalam membentuk keluarga bahagia). Manakala disebelah petang, di adakan bicara ilmu yang membicarakan tajuk Peranan Masyarakat dalam memantapkan Institusi Kekeluargaan dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tn. Haji Mohd. Sofwan Bin Hasbullah (UiTM).

### KEM ASTRONOMI MUFTI 2008

Jabatan Mufti Pulau Pinang telah menganjurkan Kem Astronomi Mufti 2008 pada 23 - 25 Mei 2008 bertempat di Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri, Bkt. Mertajam dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia Seramai 100 orang peserta yang terlibat daripada 12 buah sekolah. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Kuliah Maghrib,

## OGOS

### KONVENSYEN DAN EKSPLO ASTRONOMI USM 2008

Bahagian Falak telah terlibat secara langsung dalam penganjuran Konvensyen dan Ekspo Astronomi USM 2008 yang diadakan pada 18 - 20 Julai 2008 bertempat di Dewan Utama Pelajar, Universiti Sains Malaysia. Pelbagai agensi telah terlibat dalam pameran dan pertunjukan antaranya Sky and Teoh Telescope, Perseid Telescope, AMD, JUPEM, Petrosains dan sebagainya. Bahagian Falak, Jabatan Mufti turut menyertai pameran yang diadakan. Antara acara menarik pada kali ini adalah seminar astronomi, kursus falak perdana, kuiz astronomi, cabutan bertuah, pertandingan mewarna, pertandingan roket air, pertandingan 'alien', pameran roket Soyuz dan bermesra bersama Kapten Dr. Faiz, angkasawan negara



### KURSUS FALAK PERDANA

Bahagian Falak Syar'ie dan Sumber Maklumat telah menganjurkan satu kursus falak khusus untuk guru-guru sekolah sekitar negeri Pulau Pinang pada 19 Julai 2008 bertempat di Dewan Utama Pelajar, Universiti Sains Malaysia. Kursus pada kali ini dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Abdul Halim Bin Abdul Aziz, pensyarah Fizik, USM berhubung hitungan waktu solat dengan menggunakan kaedah ringkas. Diucapkan tahniah kepada semua peserta yang berjaya melakukan hitungan dan ucapan jutaan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan Jabatan Mufti Negeri Perak dan Negeri Sembilan kerana bersama-sama bertindak sebagai fasilitator dalam penganjuran kursus pada kali ini. Bahagian Falak Syar'ie dan Sumber Maklumat telah menganjurkan satu kursus falak khusus untuk guru-guru sekolah sekitar negeri Pulau Pinang pada 19 Julai 2008 bertempat di Dewan Utama Pelajar, Universiti Sains Malaysia. Kursus pada kali ini dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Abdul Halim Bin Abdul Aziz, pensyarah Fizik, USM berhubung hitungan waktu solat dengan menggunakan kaedah ringkas.

### SEMINAR PENGHAYATAN RAMADHAN

2 Ogos - Minden - Program ini telah dirasmikan Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia manakala ucapan di dalam seminar ini telah disampaikan oleh sahabat samahah Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan sepanjang program 2 hari ini yang melibatkan tokoh ilmuan seperti Y.Bhg. Dato' Sheikh Haji Abdul Hamid Md. Tahir, Dr. Zulkefli al-Bakri, Prof. Madya Mohd Radzi Othman dan lain-lain lagi.



### DISKUSI PENGHAYATAN RAMADHAN

Program ini telah diadakan dengan jayanya di Masjid Sungai Chenaam, Seberang Perai Selatan dan Masjid Permatang Binjai, Penaga. Program ini dianjurkan bersempena dengan kedatangan bulan Ramadhan al-Mubarak 1429H. Pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan dapat disampaikan menerusi diskusi yang berkisar tajuk puasa ramadhan serta amalan-amalan di bulan Ramadhan. Antara ahli panel yang terlibat ialah Us. Md. Isa Abdul Rahman, Tn. Haji Ghazali Bin Haji Saad dan Us. Muhammad Imran Bin Ibrahim



## OKTOBER

### CERAPAN HILAL ZULKAEDAH

Cerapan Hilal Zulkaedah telah dijalankan di Pusat Falak Sheikh Tahir pada 29 Syawwal 1429H bersamaan 29 Oktober 2008. Cerapan pada kali ini turut disertai para pelajar daripada Politeknik Sultan Ahmad Shah, Pahang yang ingin berkongsi pengalaman melaksanakan cerapan hilal. Cuaca pada petang tersebut sedikit berawan. Cerapan bermula pada jam 18:50 petang sehingga jam 19:12 malam. Hilal Zulkaedah diisytiharkan tidak kelihatan di Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh pada 29 Oktober 2008.

Oleh: Tn. Haji Suleh Wan Kurdi Bin Haji Jalaluddin

## Al-Furqan Dan As-Sunnah

*penyuluh hidup sepanjang zaman*

### Manusia dan Harapan

Al-Furqan dan As-Sunnah Rasulullah s.a.w. sebagai penyuluh jalan kebenaran, membawa kesejahteraan seluruh alam, mencapai keberkatan setiap amal ibadah yang dilakukan oleh manusia serta mendapat kebahagiaan abadi yang diidam-idamkan oleh semua manusia di dunia hingga ke akhirat kelak.



Manusia dilahirkan di alam maya ini dalam keadaan suci dan bersih. Bersih dari sebarang noda dan dosa. Namun demikian, sepanjang perjalanan kehidupan ini, manusia akan menemui pelbagai ragam. (Sebagai ujian daripada Allah s.w.t. ke atas hamba-hambaNya)

### Ujian Allah S.W.T.

Suasana dan keadaan, suka dan duka, onak dan ranjau, senang dan susah, sihat dan sakit, hidup dan mati. Kesemuanya itu adalah sebagai ujian daripada Allah s.w.t. terhadap hamba-hambaNya. Semua peristiwa tersebut yang bertujuan supaya manusia diberi kelebihan untuk berfikir agar sentiasa mendengar, melihat, mengkaji, meneliti serta berfikir, bahawa betapa pentingnya suatu

**“Aku tinggalkan di kalangan kamu Dua Perkara yang kamu tidak sesekali akan tersesat, selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya iaitu: Kitabullah Dan Sunnah Rasulullah S.A.W.”**  
(Imam Malik)

panduan yang boleh menyelamatkan kita dari tersasar serta terbabas ke laluan hidup yang kita tidak ingini.

### Pedoman Hidup :

Perkara tersebut telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Furqan ayat pertama yang bermaksud: “Maha Suci Allah Yang telah menurunkan al-Furqan kepada hambaNya (Nabi Muhammad s.a.w), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam.

Peringatan tersebut ditegaskan lagi menerusi Hadis Rasulullah s.a.w. Dari Abu Huraidrah r.a. dari Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud : “ Aku tinggalkan di kalangan kamu Dua Perkara yang kamu tidak sesekali akan tersesat, selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya iaitu: Kitabullah Dan Sunnah Rasulullah S.A.W.” (Imam Malik)

Setiap manusia dilahirkan ke dunia ini dalam keadaan lemah, memerlukan pertolongan dalam setiap perkara. Perkara tersebut telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. yang bermaksud : “... dan manusia itu dijadikan berkeadaan lemah ” (Surah an-Nisa' : 28).

Oleh yang demikian, manusia telah diperingatkan oleh Allah s.w.t dan RasulNya, supaya hendaklah sentiasa berwaspada. Oleh itu, jika kita tiada panduan yang betul, maka kita akan terdedah dengan sifat-sifat yang tidak kita ingini seperti terlupa dan hilang haluan. Keadaan tersebut akan mengakibatkan kita melakukan kesilapan dan kesalahan.



Kelolaan : us. Shukri Bin Haji Hashim

1. Bahawa Ajaran dan Fahaman Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara.
2. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan beberapa percanggahan yang terdapat di dalam fahaman tersebut sama ada dari sudut Aqidah, Syariah dan lain-lain.
  - (a) Penyelewengan Dari Sudut Aqidah.
    - (i) **Khalifah Diwasiatkan Secara Nas**  
(Sila lihat kitab 'Aqid al-Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha al-Muzaffar, halaman 78).
    - (ii) **Imam Adalah Maksum**  
(Sila lihat al-Syiah Fi al-Mizan oleh Muhammad Jawad al-Mughriah, halaman 38).
    - (iii) **Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia**  
(Sila lihat kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1 halaman 146).
    - (iv) **Kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan**  
(Sila lihat Kitab al-Usul Min al-Kafi, Juzu' 2 oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin Ya'qub Bin Ishak al-Kulaini al-Radzi, halaman 217).
    - (v) **Muhammad Bin Hassan al-Askari ialah Imam Mahdi al-Muntazar**  
(Sila lihat kitab as-Syiah Wa al-Tashih al-Sira' Baina al-Syiah Wa al-Tasyayyu' oleh Doktor Musa al-Musawi, halaman 61).
    - (vi) **Saidina Ali disama tarafkan dengan Allah S.W.T.**  
(Sila lihat Kitab Al-Usul Min Al-Kafi oleh al-Kulaini, Jilid 1 halaman 197).
    - (vii) **Mengkafirkan para Sahabat Rasulullah S.A.W.**  
(Sila lihat kitab al-Anwar Al-Nu'maniah oleh Syed Nikmatullah Al-Musawi, halaman 81).
    - (viii) **Menghalalkan Nikah Muta'ah**  
(Sila lihat kitab Man La Yahduruhu Al-Faqih oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin Ali Bin Al-Husain Babawaih AL-Qummi, Juzu' 1, halaman 358).
  - (b) Penyelewengan Dari Sudut Syari'at
    - (i) **Menolak Ijma' Ulama'**  
(Sila lihat Kitab Mukhtasar Al-Tuhfah Al-Ithna Asyariyyah oleh Shah Aziz Al-Imam Waliyullah Ahmad Abdul Rahim ad-Dahlawi, halaman 51).
    - (ii) **Menolak Qias**  
(Sila lihat Kitab Aslu al-Syiah wa Usuluha oleh Muhammad Bin Al-Husain Aali Khasif al-Ghita' halaman 149).
    - (iii) **Mengamalkan Nikah Muta'ah.**  
(Sila lihat Kitab al-Nihayah Fi Mujarrad al-Fiqh Wa al-Fatawa oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin al-Hasan Bin Ali at-Tusi, halaman 489-491. Kitab Tahzib al-Ahkam oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin al-Hasan at-Tusi, halaman 254, 259, 266).
    - (iv) **Menolak 'Aul Dan Mendahulukan Qurabah Dari 'Asobah Dalam Masalah Pusaka.**  
(Sila lihat buku Minhaj kebenaran dan pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-HASAN Bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 100-101).
    - (v) **Menuduh Abu Bakar, Umar, Urthman dan Mu'awiyah sebagai empat berhalu Quraisy serta pengikut-pengikut mereka adalah musuh Allah.**  
(Sila lihat kitab al-Tafsir oleh Muhammad Bin Mas'ud Bin 'Iyasy al-Salami al-Samaqanti, Juzu' 1, halaman 116).
    - (vi) **Hanya Ali menghimpun Al-Quran dengan sempurna.**  
(Sila lihat kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1 halaman 228).

- (vii) **Menambah Syahadah.**  
(Sila lihat kitab Al-Usul Min Al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1 halaman 441).
- (viii) **Menolak hadith yang diriwayatkan oleh Ahli sunnah Wal Jamaah.**  
(Sila lihat buku Aslu al-Syiah Wa Usuluha oleh Muhammad al-Husain Aali kasyif al-Ghita', halaman 149).
- (c) Pelbagai penyelewengan Umum
  - (i) **Menziarahi Kubur Saidina Husain. Ganjarannya Syurga.**  
(Sila lihat kitab al-Irsyad oleh Muhammad Bin Muhammad Bin Nu'man al-Askibri al-Baghdadi, halaman 252).
  - (ii) **Menyiksa tubuh badan sempena 10 Muharram.**  
(Sila lihat kitab Al-Syiah Wa-Tashih al-Sira' Baina al-Syiah Wa al-Tashih AL-sira', Baina al-Syiah Wa al-Tasyayyu', oleh Doktor Musa al-Musawi, halaman 98).
  - (iii) **Menghina Abu Bakar dan Umar serta dua orang isteri nabi S.A.W. iaitu Saidatina Aishah dan Hasfah.**  
(Sila lihat Kitab Tuhfah al-Awam Maqbuli oleh al-Syed Manzu Husain, halaman 330).
  - (iv) **Menetapkan Prinsip Khumus Sebagai Kadar Zakat.**  
(Sila lihat Kitab Tahzib al-Ahkam oleh Ja'afar Muhammad Bin al-Hassan al-Tusi, halaman 122).
  - (v) **Imamah dan Khilafah Daripada Rukun Islam Dan Ianya Berlaku Melalui Nas.**  
(Sila lihat buku Minhaj kebenaran dan pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hasan Bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim halaman 145-146).
  - (vi) **Mengharuskan Jamak Sembahyang Dalam Semua Keadaan.**  
(Sila lihat dalam buku Minhaj kebenaran dan pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hasan Bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim (tahun 1993, halaman 36).
  - (vii) **Sembahyang Dhuha Adalah Bida'ah.**  
(Sila lihat dalam buku Minhaj kebenaran dan pendedahannya. (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hasan Bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim, halaman 31).
  - (viii) **Islam bukanlah Syarat Wajibnya Haji.**  
(Sila lihat terjemahan Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim, halaman 55). (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hasan Bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim, halaman 31).
  - (ix) **Wajib Menyapu Kedua-dua Kaki dan Tidak Memadai Bsuh Pada Kedua-duanya.**  
(Sila lihat seperti di atas, halaman 13-14) (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hasan Bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim, halaman 31).
3. Oleh itu mana-mana orang Islam atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman tersebut adalah dilarang kerana is bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini meliputi:
  - (a) Untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung di dalam ajaran dan fahaman Syi'ah kecuali untuk amalan individu itu sendiri: atau
  - (b) Untuk menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran ajaran-ajaran tersebut: atau
  - (c) Untuk menjadi anggota atau memimpin mana-mana golongan Syi'ah atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.



## LAWATAN TETAMU KE PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

Pusat Falak Sheikh Tahir telah menerima kunjungan daripada pelbagai agensi sama ada dari Pulau Pinang sendiri mahupun dari agensi luar. Untuk bulan Oktober 2008 ini, antara tetamu yang hadir adalah daripada Sekolah Rendah Sintok, Kedah, Sekolah Mengengah Agama Irsyad, Nibong Tebal, Politeknik Sultan Ahmad Shah, Pahang. Pelbagai aktiviti diatur bersempena lawatan tersebut antaranya ceramah astronomi, pameran planetarium, tayangan filem berkaitan astronomi, kuiz falak dan cerapan bintang, bulan dan planet.

## KONVENSYEN ASTRONOMI KUALA LUMPUR

Tuat julung-julung kalinya Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan menganjurkan konvensyen astronomi Kuala Lumpur dengan kerjasama UTM, Masjid Wilayah Persekutuan dan Falak Online. Bahagian Falak Jabatan Mufti Pulau Pinang turut dijemput menyertai pameran yang diadakan pada 24 Oktober 2008 hingga 26 Oktober 2008. Turut diadakan adalah pameran daripada agensi lain, seminar astronomi, forum falak dan cerapan planet. Tahniah kepada Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dan semoga usaha tersebut dapat diteruskan di laian-lain masa.

## CERAPAN HILAL ZULHIJJAH

Cerapan Hilal Zulhijjah telah dijalankan di Pusat Falak Sheikh Tahir bersama-sama Ahli Jawatankuasa Rukyah Negeri Pulau Pinang pada 27 November 2008 hari Khamis. Cuaca pada hari tersebut adalah cerah dan sedikit berawan. Cerapan bermula pada jam 18:00 petang sehingga matahari terbenam pada jam 19:03 malam. Berdasarkan data kedudukan hilal pada petang tersebut, hilal terbenam pada jam 18:40 petang. Hilal Zulhijjah diisytiharkan tidak kelihatan di Pusat Falak Sheikh Tair, Pantai Aceh pada petang 27 November 2008.



## HARI TERBUKA PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

Jabatan Mufti Pulau Pinang telah menganjurkan Hari Terbuka Pusat Falak Sheikh Tahir pada 29 November 2008 bersamaan 1 Zulhijjah 1429H. Program ini terbuka kepada seluruh masyarakat Pulau Pinang. Pelbagai program telah dijalankan pada hari tersebut antaranya pelancaran Sekolah Angkat Jabatan Mufti bagi Kelab-Kelab Astronomi Untuk Tahun 2009. Manakala ceramah perdana telah disampaikan oleh Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Abdul Halim Bin Abdul Aziz bertajuk Astronomi Islam: Dulu, Kini dan Akan Datang. Selain itu, acara lain termasuklah pertunjukkan planetarium, pertandingan mereka bentuk roket, cerapan matahari, pameran astronomi oleh Muzium dan Galeri Seni Tunku Fauziah, USM, demo pelancaran roket air, cerapan sabit muda Zulhijjah dan cerapan bintang dan planet.

## NOVEMBER

### PROGRAM SEHARI BERSAMA JMNPP

Jabatan ini telah berjaya menganjurkan beberapa siri program sehari bersama Jabatan Mufti negeri Pulau Pinang, hasil kerjasama beberapa Jawatankuasa Qaryah Masjid di neegri Pulau Pinang. Antara masjid-masjid yang terlibat adalah seperti Masjid at-Taqwa, Bertam, Masjid Pulau Aman, Masjid Tanjung Bungah dan Masjid Tuan Guru, Tanjung Tokong. Beberapa aktiviti telah dijalankan sempena program ini seperti sesi tazkirah, pameran dari agensi agama Islam, kaunter kemusykilan agama dan ceramah mengenai isu-isu fatwa semasa.



## DISEMBER

### SEMINAR PEMANTAPAN PEGAWAI-PEGWAI MASJID

Jabatan ini dengan kerjasama Jabatan Agama Islam negeri Pulau Pinang telah menganjurkan seminar pemantapan pegawai-pegawai Masjid peringkat negeri Pulau Pinang. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Szali Bin Hussein, Pegarah JAIPP. Sebanyak 2 kertas kerja telah dibentangkan oleh penceramah jemputan iaitu Y.Bhg. Dato Sheikh Abdul Hamid Bin Tahir dan Y.Bhg. Ustaz Syed mahayadin Bin Syed Akil.

Lawatan daripada Mitra Sejati Perempuan Indonesia (MISPI) dan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam ke Jabatan Mufti



Hj. Rosli b. Othman sedang menyampaikan tazkirah dalam program sehari di Masjid Pulau Aman SPS



Lawatan TYT ke booth pameran sempena Konvensyen Astronomi USM 2009



Salah satu aktiviti dalam program bersiri sehari bersama JMPP.



Mesyuarat Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang



Diskusi mengenai sistem kewangan Islam yang membariskan Ustaz Hardi sebagai moderator, S.F. Hj. Suleh Wan Kurdi dan Ustaz Yusof sebagai ahli panel



Majlis Perasmian Penutup Seminar Antarabangsa Andalusia 1300 Masehi

TYT menghadiri Solat Jumaat di Masjid Terapung Tanjung Bungah

